



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 September 2021
13 Safar 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Berenang ditemani penyu berbahaya
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Habitat berubah jejas patin muncung
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI Sabah Media				.
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL			7	20.9.2021

UMN MIS 7 20.9.2021



PENGUNJUNG bukan sahaja memberi makanan malah mengambil kesempatan menyentuh penyu ketika berenang di Pantai Teluk Dalam di Pulau Redang, baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

Berenang ditemani penyu berbahaya

KUALA TERENGGANU: Keseronokan pengunjung berenang terlalu rapat dengan penyu di pulau-pulau peranginan di negeri ini boleh mendatangkan bahaya kepada mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Makmal Penyelidikan Luar Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli

berkata, walaupun reptilia marin itu kelihatan jinak, hakikatnya penyu tetap haiwan liar.

Katanya, lebih dibimbangi apabila ada penyu yang mengejar pelancong untuk mendapatkan makanan seperti sotong yang lazim diberikan kepada haiwan berkenaan.

“Ini tentunya berbahaya kepada pengunjung yang tidak biasa dengan penyu dan boleh menyebabkan mereka panik.

“Usah merisikokan keluarga anda semata-mata untuk mendapatkan keseronokan yang sekejap, namun mungkin berakhir dengan tragedi,” katanya semalam.

Baru-baru ini, pengunjung termasuk kanak-kanak di Pantai Teluk Dalam di Pulau Redang dilihat berenang dengan ‘ditemani’ penyu di samping ada yang turut menyentuh reptilia marin berkenaan.

Sehubungan itu, Mohd. Uzair meminta semua pihak memandang serius perkara tersebut, malah penguatkuasaan perlu diketatkan bukan sahaja membabitkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Covid-19, malah keselamatan pengunjung di laut.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, kehadiran manusia di kawasan habitat penyu secara tidak langsung menjadikan rutin sihat harian haiwan itu berikutkan tindakan orang ramai memberi makan.

“Penyu wajar dibenarkan mencari makan sendiri dan pasukan saya bercadang membuat kajian indeks kesihatannya akibat aktiviti memberi makan, selepas musim pelancongan berakhir,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		17	20.9.2021

Kerja pembalakan, pertanian dan pembuangan sampah ganggu pembiakan ikan sungai

Habitat berubah jejas patin muncung

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Perubahan habitat dan perubahan cuaca menjadi antara faktor utama kurangnya populasi ikan patin muncung yang sudah kira-kira tujuh tahun tidak dapat ditangkap di Sungai Pahang.

Pensyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Fazrul Hisam Abd. Aziz berkata, pembalakan, pertanian dan pembuangan sisa atau sampah ke dalam sungai boleh mengganggu habitat ikan sungai.

Jelas beliau, proses pembalakan atau pertanian secara besar-besaran menyebabkan air hujan mengalir secara terus ke dalam sungai yang akan membawa tanah seterusnya menyebabkan sungai menjadi cetepek dan menjaskan aliran arus sungai.

"Bagi tanah pertanian berhampiran sumber air pula, sekiranya baja dan racun perosak digunakan secara tidak terkawal, ia akan mengganggu hidupan akuatik, pengayaan berlebihan akibat baja dan racun perosak ini boleh menyebabkan eutrofikasi (nu-



MOHD. FAZRUL HISAM

trien berlebihan dalam air).

"Sampah organik dari industri dan kawasan yang mempunyai manusia berkepadatan tinggi tetapi mengambil jalan singkat dengan membuang sisa atau kotoran di sumber air tawar juga boleh menyumbang kepada eutrofikasi," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Pada 31 Ogos lalu, Kosmo! melaporkan ikan patin muncung yang menjadi buruan kerana keenakan isinya kini 'bernilai seperti emas' apabila mencécah harga RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pahang.

Rata-rata nelayan dan peniaga hidupan air tawar mendedah-



PATIN muncung kini sukar ditemui dipercayai terjejas akibat faktor pencemaran dan cuaca.

- GAMBAR HIASAN

kan ikan patin muncung tidak lagi menerjah jaring atau masuk perangkap sejak tujuh tahun lalu berbanding patin buah yang masih mudah didapati.

Menurutnya, pencemaran memberi kesan yang sangat besar kepada hidupan akuatik yang tanpa disedari boleh menyumbang kepada kepupusan dan pe-



KERATAN Kosmo! 31 Ogos 2021.

nurunan populasi ikan.

Katanya, eutrofikasi atau respon ekosistem terhadap penambahan bahan-bahan tiruan atau asli memberi kesan negatif termasuklah boleh menyebabkan

pengurangan oksigen dalam air yang boleh menyebabkan kematian hidupan akuatik.

Katanya, sumber air tawar di dunia hanya tiga peratus sahaja dari perubahan cuaca serta peningkatan suhu dari tahun ke tahun boleh menyebabkan tekanan kepada stok perikanan.

"Ikan mempunyai kadar toleransi yang agak lemah terhadap peningkatan suhu yang mendadak dan perubahan parameter air secara mendadak. Contohnya oksigen terlarut, suhu, pH dan sebagainya."

"Antara contoh fenomena semula jadi yang berlaku serta boleh mempengaruhi taburan ikan adalah El nino yang melanda pada 2015 dan 2016," katanya.

Tambahnya, faktor permintaan yang terlalu tinggi terhadap ikan patin muncung juga menyebabkan ia ditangkap tanpa mengira saiz dan kematangan.

"Harga yang mencecah RM450 sekilogram menyebabkan ia dijual tanpa mengira saiz matang, malah pemiat patin muncung pulih mengatakan isinya yang manis, halus dan enak menyebabkan permintaannya semakin meningkat," ujarnya.